

Seminar Antarabangsa Serentak APCOMS dan iMEC fokus masa depan Kejuruteraan Pembuatan



Yogyakarta, 7 Disember – Penganjuran serentak seminar antarabangsa 4th Asia-Pacific Conference on Manufacturing Systems dan 3rd International Manufacturing Engineering Conference (iMEC 2017) anjuran Fakulti Teknologi Industri, Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengukuhkan jalinan dan hubungan dalam berkongsi kepakaran dalam bidang kejuruteraan khususnya dalam bidang kejuruteraan pembuatan negara.

Hadir merasmikan persidangan bertemakan “*Taking The Factories To The Next Level*” adalah Timbalan Rektor ITB, Profesor Bermawi Priyatna Iskandar. Hadir sama Pengerusi APCOMS, Mohammad Mi’radj Isnaini dan Pengerusi Bersama APCOMS, Profesor Abdul Hakim Halim dan Profesor Dradjad Irianto. Turut hadir Pengerusi iMEC, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan Pengerusi Bersama iMEC, Dr. Muhammed Nafis bin Osman Zahid.

Menurut Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Razlan, iMEC-APCOMS ini merupakan seminar anjuran bersama UMP dan ITB untuk kali kedua yang mana sebelum ini Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

(FKP) telah menjadi tuan rumah dan telah dilaksanakan pada tahun 2015 di Kuala Lumpur. Pada tahun ini, giliran ITB pula menjadi tuan rumah dan dilaksanakan di Hotel Eastparc, Yogyakarta Indonesia 2017.



Sementara itu, bagi Profesor Bermawi Priyatna dalam ucapan perasmiannya menyatakan bahawa seminar antarabangsa anjuran bersama ITB-UMP hasil kerjasama yang terjalin melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada tahun 2013. Pertemuan ini dapat berinteraksi dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai penyelidikan terkini dalam bidang kejuruteraan pembuatan dan industri.

“Dengan platform ini, APCOMS-iMEC 2017 telah memulakan proses untuk mendapatkan penemuan baharu dan daripada penemuan tersebut diharapkan akan terhasil produk dan perkhidmatan untuk pasaran sama ada diperingkat kebangsaan dan juga antarabangsa,” katanya.

Tambah beliau, pengetahuan dan penemuan baharu tidak boleh dihasilkan tanpa sebarang aktiviti penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersilan. Oleh yang demikian, APCOMS-iMEC 2017 secara langsung telah menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pascasiswazah serta pihak industri dalam bidang kejuruteraan pembuatan bersama-sama membentangkan hasil penyelidikan masing-masing.

Seminar antarabangsa ini menyaksikan seramai 86 orang peserta daripada dalam dan luar negara yang telah mendaftar untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka terhadap Manufacturing System, Manufacturing Automation, Manufacturing Processes dan Materials. Antara pembentang kertas kerja adalah Dr. Ir. Mesdin Simarmata dari Creative Economy Agency (BERKAF) Indonesia berkaitan Evolusi Industri, Profesor Dr. Zahari Taha dari UMP membentangkan kertas kerja berkaitan cabaran dan perspektif penyelidikan bagi Industri 4.0 serta Profesor Dr. Shih-Ming Wang dari Chung Yuan Christian University, Taiwan yang membentangkan kertas kerja berkaitan dengan aplikasi Industri 4.0 bagi industri konvensional.

Disediakan oleh Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.